

24/04/2001

Kaedah baru laksana Rakan Muda

KUALA LUMPUR, Isnin - Kementerian Belia dan Sukan akan mengumumkan pendekatan baru pelaksanaan program Rakan Muda yang mampu menggerakkan pembabitan belia selepas Dewan Rakyat meluluskan Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8).

Menterinya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata program itu akan dilaksanakan secara bersepadu membabitkan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sumber Manusia.

"Pendekatan ini akan dilaksanakan dengan satu matlamat iaitu untuk memupuk nilai positif di kalangan generasi muda bagi menghadapi cabaran ekonomi berasaskan pengetahuan," katanya ketika mengulas pembentangan RM-8 oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat, hari ini.

Ketika membentangkan usul itu, Perdana Menteri berkata kerajaan akan memperkukuhkan nilai moral dan etika rakyat dengan penekanan kepada usaha memupuk serta menyemai nilai positif, terutama melalui pelaksanaan program Rakan Muda.

Hishammuddin berkata, dalam pendekatan baru itu kementerian akan menganjurkan kegiatan baru sebagai gerakan massa bagi membolehkan generasi muda mengisi masa lapang dengan kerja berfaedah.

Beliau berkata, dalam program itu juga ketiga-tiga kementerian akan memastikan generasi muda di negara ini mampu menghadapi apa juga cabaran dari dalam dan luar negara pada era globalisasi.

"Saya sudah berbincang dengan Kementerian Pendidikan serta Kementerian Sumber Manusia dan apabila dilaksanakan nanti, kita mampu melahirkan generasi berilmu dan berpengetahuan," katanya.

(END)